

11/04/2001

Cubaan bantah rasmi UIAM

KUALA LUMPUR, Selasa - Ada pihak tertentu menyebarkan risalah membantah perasmian Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak di sini, oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, 17 April ini.

Berita Harian difahamkan risalah itu bertujuan mengajak orang ramai berkumpul di pintu masuk universiti itu bagi menghalang Perdana Menteri merasmikan majlis berkenaan.

Perasmian kampus induk UIAM akan berlangsung minggu depan serentak dengan Persidangan Agung Kedua Kesatuan Universiti Negara Islam (FUIW).

Sementara itu, Bahagian Perhubungan Awam UIAM tidak tahu menahu mengenai risalah berkenaan dan akan mengadakan siasatan terperinci secepat mungkin.

(END)